


KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Jabatan Alam Sekitar memainkan peranan utama dalam pengawalan pencemaran alam sekitar serta pelaksanaan langkah pengawalan dan pencegahan pencemaran. Pelaksanaan tanggungjawab ini adalah berdasarkan kepada bidang kuasa yang telah diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Tindakan yang diambil terhadap pencemar adalah tertakluk di bawah akta tersebut dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

Aduan Pencemaran Alam Sekitar


Sepanjang tahun 2013, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menerima sebanyak 308 aduan pencemaran alam sekitar. Kes aduan yang diterima merangkumi pelbagai jenis pencemaran merujuk kepada **(Rajah 3.1)**.



Rajah 3.1: Aduan Berdasarkan Jenis Pencemaran




KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Rajah 3.2: Geomapping Kes Aduan Negeri Kedah

Kedudukan kes yang berlaku aduan (geomapping) di negeri Kedah seperti di dalam **Rajah 3.2**. Kawasan kawasan Sungai Petani (merangkumi daerah Kuala Muda, Sik dan Yan) mencatatkan jumlah aduan yang tertinggi dan diikuti dengan Kedah Utara (merangkumi Daerah Kota Setar, Pokok Sena, Pendang, Kubang Pasu dan Padang Terap), Kulim (merangkumi daerah Kulim, Baling dan Bandar Baharu), dan Langkawi (**Rajah 3.3**).



Rajah 3.3: Bilangan Kes Aduan Yang Diterima Mengikut Kawasan/ Cawangan



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Pasukan Pemantau Pencemaran (3P)

Pendekatan ini adalah mewujudkan kumpulan fokus atau Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) sebagai "mata dan telinga" di setiap kawasan Parlimen terutama kawasan yang kerap menerima aduan pencemaran serta berulang kali. Program 3P ini sebagai satu mekanisma atau pendekatan baru yang diperkenalkan oleh bagi menangani masalah aduan secara kolektif dan efektif.

Program 3P di komuniti setempat akan digerakan secara berterusan bagi membantu Jabatan mengambil tindakan cepat dan cekap menangani masalah aduan pencemaran alam sekitar.

Pada 31 Oktober 2013 (Khamis) JAS Kedah telah melaksanakan Pelancaran Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) Peringkat Negeri Kedah bersama Program Mesra Rakan Alam Sekitar (RAS) & dijalankan oleh Ahli Parlimen Sungai Limau, Yan, Kedah. Pelancaran 3P disempurnakan oleh YB Datuk Suraya Binti Yaacob, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah. Program ini dilancarkan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Kedah, Jabatan Mineral & Geosains Negeri Kedah, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Negeri Kedah, Jabatan Ukur & Pemetaan Negeri Kedah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan Negeri Kedah, Jabatan Taman Laut Negeri Kedah, PMD Sungai Limau, Gula Padang Terap Sdn. Bhd. dan Bang Seng Hin Co. Sdn. Bhd.



Antara Ahli Jawatankuasa Pengerak Program



Perasmian oleh YB Datuk Suraya Binti Yaacob, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Pelancaran 3P Negeri Kedah



Penyerahan dan Ikrar Ahli 3P



Antara orang ramai yang hadir dan berdasarkan pendaftaran yang hadir pada Program ini adalah dianggarkan 800 orang ramai dari kawasan Sg. Limau, Yan.



Taklimat Pasukan Pemantau Pencemaran (3P)



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Pameran oleh Agensi di bawah NRE



Sukan Rakyat untuk orang ramai



Wawancara dengan wartawan




KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka

Pembakaran terbuka adalah antara penyumbang pencemaran udara yang berlaku di dalam negara kita. Bagi mengawal kegiatan pembakaran terbuka, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah menjalankan pemantauan melalui rondaan darat secara berkala, pengesanan titik panas (hotspot) oleh satelit serta aduan pembakaran terbuka yang diterima dari orang awam. Sebanyak 248 bilangan pembakaran terbuka yang dikesan sepanjang tahun 2013 di mana kes aduan awam berkenaan pembakaran terbuka mencatatkan bilangan tertinggi diikuti pengesanan titik panas (hotspot), rondaan darat dan bilik Operasi JAS Negeri yang dijalankan merujuk kepada **(Rajah 3.4)**. Peningkatan dua kali ganda kes dikenalpasti jika di bandingkan 'trend' pada tahun 2012 iaitu 117 sahaja. Kes aduan awam berkenaan pembakaran terbuka meningkat disebabkan oleh kesedaran awam yang semakin meningkat iaitu dari 90 pada 2012 kepada 125 pada tahun 2013.




Rajah 3.4: Bilangan Pembakaran Terbuka Yang Dikesan Berdasarkan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Pembakaran hutan (pengesanan melalui titik panas) adalah aktiviti pembakaran terbuka yang paling tinggi dikesan manakala aktiviti pembakaran yang terendah ialah pembakaran sampah sarap di kawasan lapang, daun-daun kering/cantasan pokok di kawasan kampung, tapak industri dan tapak pelupusan sampah. Antara aktiviti pembakaran terbuka yang lain ialah pembakaran jerami padi, belukar, ladang/ kebun, tapak binaan, pembakaran sampah sarap di kawasan perumahan, tepi jalan dan lain-lain. Terdapat juga aktiviti yang diisytiharkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti pembakaran tumbuhan untuk memugar tanah bagi tujuan penanaman atau penanaman semula apa-apa tanaman tumbuhan serta pembakaran jerami padi merujuk kepada **(Rajah 3.5)**.



Rajah 3.5: Bilangan Pembakaran Terbuka Mengikut Jenis Aktiviti



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Pembakaran Terbuka di kawasan hutan



Pembakaran Terbuka di Tapak Pelupusan Sampah

Tapak Pelupusan Sampah

Pada tahun 2013, sebanyak 12 pemeriksaan telah dijalankan ke atas tapak pelupusan sampah (beroperasi dan tutup) di negeri Kedah. Terdapat 8 buah tapak pelupusan sampah di Negeri Kedah yang beroperasi dan di bawah seliaan dan pengurusan pihak berkuasa tempatan.



Kawasan Tapak Pelupusan Sampah Dan Persampelan Larut Resapan



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Kontingensi Tumpahan Minyak

Sepanjang tahun 2013, hanya terdapat satu kes tumpahan minyak di laut diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Kedah. Jabatan Alam Sekitar Kedah juga telah menganjurkan program Seminar Dan Latihan *Table-Top* Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Akibat Tumpahan Minyak Bagi Daerah Kota Setar pada 17 September 2013. Program satu hari tersebut melibatkan seminar dan latihan *table-top* pelan tindakan pembersihan pantai. Program ini di anjurkan bersama Pejabat Daerah Kota Setar yang di ketuai oleh Pn. Balkhis binti Abu Bakar BCK, Timbalan Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kota Setar. Program tersebut telah di hadiri oleh 40 orang peserta dari pelbagai agensi di peringkat daerah termasuk kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dan penceramah jemputan dari PIMMAG PD iaitu En. Nordin bin Ahmad.

Selain itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah juga menganjurkan satu sesi Seminar Dan Latihan Teknik Penilaian Pembersihan Pesisir Pantai Yang Tercemar Akibat Tumpahan Minyak (SCAT) Negeri Kedah pada 18 September 2013. Program satu hari tersebut diadakan di Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dan di hadiri oleh 35 orang kakitangan JAS Kedah. Latihan SCAT telah diadakan di kawasan berpantai Kuala Kedah dan Sungai Kedah, di kawasan Ampangan Jajar, Mergong yang melibatkan 4 kumpulan bagi program tersebut.



Program PTPPN di rasmikan oleh Pn. Balkhis binti Abu Bakar BCK. Timbalan Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kota Setar



Latihan Table-Top Di Pejabat Daerah Kota Setar



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Program Latihan SCAT dengan Kakitangan JAS Kedah dan Capt. Amir Al Haj (GM PIMMAG) turut serta dalam aktiviti yang dijalankan



Kawasan pesisir pantai berlumpur, pasir dan berbatu berdekatan bangunan Marina, Kuala Kedah



Lokasi Sungai di Ampangan Jajar, Mergong



Kawasan jeti nelayan Kuala Kedah



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



PENGAWALAN PENCEMARAN DARI PUNCA-PUNCA TETAP

Kilang Getah Asli Mentah

Kilang getah asli di klasifikasikan sebagai kemudahan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di mana pendudukan atau penggunaannya mestilah di lesenkan terlebih dahulu. Sehingga tahun 2013, sebanyak 11 buah kilang getah telah diperbaharui lesen untuk beroperasi di negeri Kedah. Pemprosesan lesen mengikut prosedur kualiti MS ISO 9001:2008 berkuatkuasa dari 18 Oktober 2013.

Kilang-kilang getah di negeri Kedah melupuskan efluen melalui dua (2) kaedah pelupusan iaitu pelupusan ke alurair atau secara kitar semula. **Jadual 3.1** menunjukkan jenis pengeluaran dan juga kaedah pelupusan efluen yang dilakukan oleh kilang-kilang getah di negeri Kedah. Maklumat pelupusan efluen dilaporkan oleh pihak pekilang melalui laporan penyata suku tahunan. Maklumat dari laporan ini membolehkan jumlah beban pencemar yang dilepaskan ke alurair dapat dianggarkan dan pematuhan pelepasan efluen bagi parameter yang ditetapkan (seperti BOD, COD, Ammoniakal Nitrogen, Jumlah Nitrogen, Jumlah Pepejal dan pH) adalah mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

Pematuhan kilang getah yang dicapai pada tahun 2013 adalah 100%. Pelbagai pendekatan diambil seperti menambah kekerapan siasatan, dialog bersama pihak pekilang semasa majlis penyerahan lesen setiap tahun dan juga penglibatan oleh pihak pekilang sendiri menerusi *self-regulation* bagi memastikan pencapaian dan peningkatan dalam pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Jadual 3.1 : Jenis Pengeluaran Dan Kaedah Pelupusan Efluen Bagi Kilang Getah

Bil	Nama Kilang	Kaedah Pelupusan	Jenis Pengeluaran
1	Mardec Processing Sdn. Bhd. – Baling	Alurair	SMR
2	Euroma Rubber Industries Sdn. Bhd. – Labu Besar, Kulim	Kitar semula	SMR
3	Teh Ah Yau Rubber Factory Sdn. Bhd. – Bedong	Alurair	SMR & Lateks Pekat
4	Tiong Huat Rubber Factory Sdn. Bhd. – Sungai Petani	Alurair	SMR & Lateks Pekat
5	Muhibbah Lateks Sdn. Bhd. – Gurun	Alurair	Lateks Pekat
6	Lee Lateks (Pte.) Ltd – Bedong	Alurair	Lateks Pekat
7	Kilang Hevea Bukit Perak (Kumpulan Ladang-Ladang Kedah Sdn. Bhd.) – Gurun	Kitar semula	SMR & Lateks Pekat
8	Sungei Tawar Latex Co. Sdn. Bhd.	Alurair	Lateks Pekat
9	Felda Rubber Industries Sdn. Bhd. (Kilang Getah Teloi Timur – Kuala Ketil	Alurair	SMR
10	Lam Eng Rubber Factory (M) Sdn. Bhd. – Sungai Petani	Alurair	SMR
11	ACK Process Sdn. Bhd. – Alor Setar	Kitar semula	SMR



Alat Kawalan Pencemaran Udara *Scrubber* Kilang Memproses Getah



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Kilang Kelapa Sawit

Pada tahun 2013 sebanyak 6 buah kilang kelapa sawit di lesenkan dan beroperasi rujuk **(Jadual 3.2)**. Seperti mana kilang getah asli, kilang kelapa sawit juga dikawalselia melalui syarat-syarat khas yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah. Pencapaian pematuhan oleh kilang-kilang sawit pada tahun 2013 juga adalah 100%. Pemprosesan lesen mengikut prosedur kualiti MS ISO 9001:2008 berkuatkuasa dari 18 Oktober 2013.

Jadual 3.2 : Kapasiti Pemprosesan Dan Kaedah Pelupusan Bagi Kilang Kelapa Sawit

Bil	Nama Kilang	Kapasiti Pemprosesan	Kaedah Pelupusan
1.	Setiakawan Kilang Kelapa Sawit S/B	50 MT/hr	Alurair
2.	Talico Co. S/B Palm Oil Mill	20 MT/hr	Atas tanah
3.	Arah Kawasan Sdn Bhd	60 MT/hr	50% alurair, 50% kitar semula
4.	Kulumpang Development Corporation Sdn Bhd (Kilang Kelapa Sawit Batu Lintang)	25 MT/hr	Atas tanah
5.	Solid Orient Holding Sdn. Bhd	60 MT/hr	Alur air
6.	Sime Darby Plantation Sdn. Bhd (Sungai Dingin Palm Oil Mill)	80 MT/hr	Atas tanah



Sistem Pengolahan Efluen Kilang Kelapa Sawit



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Premis Pemerolehan Buangan Terjadual

Pada 2013 sebanyak 25 buah premis pemrosesan buangan terjadual telah di lesenkan dan beroperasi di negeri Kedah rujuk (**Jadual 3.3** dan **Jadual 3.4**) . Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan premis-premis buangan terjadual yang telah dilesenkan ini mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 pada setiap masa. Antara langkah yang diambil termasuklah melalui siasatan secara berkala, pemeriksaan audit, dialog dan tindakan perundangan. Status pematuhan bagi premis pemrosesan buangan terjadual adalah 100%. Pemprosesan lesen mengikut prosedur kualiti MS ISO 9001:2008 yang mula berkuatkuasa dari 18 Oktober 2013.

Jadual 3.3 : Taburan Premis Buangan Terjadual

Jenis Lesen	Kedah Utara	Sungai Petani	Kulim	Langkawi	Jumlah
Pemerolehan Kembali Penuh (dengan pengangkut)	0	4	4	0	8
Pemerolehan Kembali Separa (dengan pengangkut)	1	6	7	0	14
Tapak Pelupusan Selamat	0	0	1	0	1
Penunu	0	0	0	1	1
Kemudahan Penstoran Luar Tapak	0	1	0	0	1



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Jadual 3.4 : Premis Buangan Terjadual Yang Beroperasi Dan Di lesenkan

Bil	Nama Premis	Alamat	Jenis Lesen	Jenis/ Kod BT
1	Dhakshinamoorthy Manufacturing Sdn. Bhd.	No. 48, Jalan Utara 4, Kawasan Perusahaan Mer- gong Jalan Tunku Abdul Rahman 05050 Alor Star, Kedah	Partial Recovery	SW110
2	Everlantern Trading Sdn. Bhd.	Everlantern Trading Sdn. Bhd. No. 18, Jalan Saujana 1 Taman Industri Saujana 09600 Lunas Kedah Darul Aman	Partial Recovery	SW110
3	Jivas Enterprise Sdn. Bhd	No. 5, Jalan Makmur 1 Kawasan Perindustrian Ringan Bukit Makmur 08000 Sungai Petani, Kedah	Partial Recovery	SW110
4	Megatrax Plastic Ind. Sdn. Bhd.	Lot 266, Jalan Pinang Tunggal 08000 Sungai Petani Kedah Darul Aman	Partial Recovery	SW110
5	Innovasi Laman Sdn. Bhd.	84, Jalan Waja 3 Taman Industri Waja 09000 Kulim Kedah	Partial Recovery	SW110
6	Metric World Sdn. Bhd.	No. 516, Jalan Waja 4 Taman Industri Waja 09000 Kulim Kedah	Partial Recovery	SW110
7	P.F Enterprise	H-105 & H-106, Jalan Perusahaan Indah 5 Kawasan Industri Ringan Sejati Indah 08000 Sungai Petani, Kedah	Partial Recovery	SW110
8	Syarikat Siven E nterprise Sdn. Bhd.	Lot 463, Plot 14, Kampung Baru Padang Kulim, Kelang Lama 09000, Kulim, Kedah	Partial Recovery	SW110




KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Jadual 3.4 : Premis Buangan Terjadual Yang Beroperasi Dan Di lesenkan (sambungan)

Bil	Nama Premis	Alamat	Jenis Lesen	Jenis/ Kod BT
		Aman 1/2 Kawasan Perusahaan Ringan Desa Aman Sungai Lalang, 08100 Bedong, Kedah	Recovery	
10	Taiko Metal Recycle Sdn. Bhd.	Taiko Metals Recycle Sdn. Bhd. Lot 73, Jalan Perusahaan 2B Kawasan Perusahaan Kulim 09000 Kulim Kedah	Partial Recovery	SW110
11	Akshaani Auto Sdn. Bhd.	6, Jalan Makmur 1 Kawasan Industri Bukit Makmur 08000 Sungai Petani, Kedah	Partial Recovery	SW110
12	Petronas Gas Berhad	Petronas Gas Berhad Pejabat Operasi Serantau Gurun KM 1, Jalan Jeniang, P.O.Box 31, 08300, Gurun , Kedah	Off-site storage	SW102, SW103, SW104, SW109, SW110, SW305, SW306, SW311, SW321, SW409, SW410, SW417, SW422
13	Hi Tech Full Recovery Sdn. Bhd.	Lot 4169, No. 14, Lorong Perusahaan 3, Kawasan Perindustrian Padang Meha 09000, Kulim, Kedah	Full Recovery	SW103, SW104, SW202, SW302, SW401, SW422, SW423
14	Metachem Reclaim Industries	Sublot 10, Lot 80, Kawasan Perindustrian Bakar Arang, 08000, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Full Recovery	SW104
15	Syarikat Nirossya Sdn. Bhd.	Lot 120-122, Kawasan Industri Taman Mesra, 09600, Kulim, Kedah (u.p Mr Bong Yi Ling)	Full Recovery	SW321
16	Meridian Recycling Sdn. Bhd.	Meridian Recycling Sdn Bhd 39, Jalan PKNK 1/6 Kawasan Perusahaan Sungai Petani 08000, Sungai Petani, Kedah	Full Recovery	SW206, SW401, SW204, SW321, SW202



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Jadual 3.4 : Premis Buangan Terjadual Yang Beroperasi Dan Di lesenkan (sambungan)

Bil	Nama Premis	Alamat	Jenis Lesen	Jenis/ Kod BT
17	Meridian Recycling Sdn. Bhd	Meridian Recycling Sdn Bhd 48, Jalan PKNK 1/6 Kawasan Perusahaan Sungai Petani 08000, Sungai Petani, Kedah	Full Recovery	SW104, SW202, SW204, SW305, SW306, SW312, SW314, SW321, SW 325, SW 416, SW417, SW418, SW411, SW422
18	Faber Medi-Serve Sdn. Bhd	Hospital Langkawi Jalan Padang Mat Sirat 07000 Kuah, Langkawi Kedah	Incinerator	SW404
19	Taiko Bleaching Earth Sdn. Bhd	Lot 1078, Ladang Buntar Serdang, Bandar Baru Tel: 05-7162911 Kedah Darul Aman	Secured Landfill	SW427
20	Extra Odyssey	57, Jalan Waja 1, Taman In- dustri Waja 09000, Kulim, Kedah	Partial Recovery	SW110
21	Kiyamas Chemical Sdn Bhd	Plot 112, Seksyen 65A, Jalan PKNK 2, Bandar Baru Sungai Petani, 08000 Sungai Petani, Kedah	Full Recovery	SW 204, SW 206, SW401
22	KCK Metal Sdn bhd	Plot 46, Kaw Perindustrian Sungai Petani, Taman Ria jaya, 08000 Sungai Petani, Kedah	Full Recovery	SW422
23	5NPV (M) Sdn. Bhd.	Plot 25, Jalan Hi-Tech 4, Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah	Full Recovery	SW429, SW 204
24	Globecycle Manufacturing Sdn Bhd	Lot 1474, 1475, 1476, Pekan Sungai Karang, Daerah Kulim, Kedah. Alamat surat-menyurat: No 35, Jalan Impian Ria 2, Taman Impian Ria, 1400 Bukit Mertajam, Pulau Pi- nang.	Full Recovery	SW422/ SW 104
25	Draz Supplier & Services Sdn. Bhd	No. 29, Jalan Pinang Tunggal 2, Kawasan Perindustrian Ringan Taman Kempas, Sun- gai Petani, Kedah	Partial Recovery	SW 110



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR




Peralatan Memperolehi Kembali Buangan Terjadual

PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

Inventori PYBDT

Terdapat kira-kira 2500 punca premis PBYDT di negeri Kedah. Semua punca ini di bahagikan kepada beberapa kawasan untuk dikawalselia dan dipantau oleh JAS Kedah. **Rajah 3.6** menunjukkan punca tertinggi premis adalah berada di daerah Kuala Muda, diikuti daerah Kota Setar, dan Kulim. Kesemua punca ini dikawalselia oleh JAS negeri Kedah dan cawangan.




Rajah 3.6 : Inventori Punca Industri Berdasarkan Daerah Di Negeri Kedah



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Daripada keseluruhan punca tersebut di atas, JAS telah mengkelaskan punca-punca tersebut kepada 39 aktiviti. **Rajah 3.7** menunjukkan punca loji pengolahan kumbahan merupakan punca terbanyak di negeri Kedah di ikuti punca daripada kilang kayu dan juga bengkel di tempat kedua dan ketiga.



Rajah 3.7: Jumlah Inventori PBYDT Mengikut Jenis Industri

Semua punca PBYDT ini di kelaskan berdasarkan kepada punca pencemaran air (efluen dan kumbahan), punca menghasilkan pencemaran udara dan punca pengeluaran buangan terjadual.

Punca Pencemaran air

Bilangan punca pencemar air yang terdapat di negeri Kedah adalah terdiri daripada 263 punca efluen dan 816 punca kumbahan. Sektor industri yang menjadi penyumbang pada pencemaran air di negeri Kedah adalah seperti sektor elektrik dan elektronik, sektor makanan dan minuman dan tertinggi adalah dari loji pengolahan kumbahan. Punca-punca pencemaran air ini dikawal oleh JAS mengikut PPKAS (Kumbahan) 2009 dan PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009.



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Punca Pencemaran Udara

Bilangan punca pencemaran udara di negeri Kedah adalah sebanyak 961 punca. Sektor industri yang menjadi penyumbang tertinggi adalah daripada kilang kayu (212), diikuti oleh kilang padi (110) dan industri elektrik dan elektronik serta pengilangan logam. Punca-punca pencemaran udara dari 39 sektor industri ini dikawal melalui Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Punca Pengeluaran Buangan Terjadual


Bilangan punca pengeluar buangan terjadual di negeri Kedah adalah sebanyak 1069 punca. Sektor industri yang menjadi penyumbang tertinggi adalah daripada bengkel-bengkel diikuti oleh sektor industri elektrik dan elektronik dan industri pengilangan logam. Punca-punca pengeluar buangan terjadual dari 39 sektor industri ini dikawal melalui Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005.

Status Penguatkuasaan AKAS 1974 bagi PBYDT

Sepanjang tahun 2013, bilangan siasatan penguatkuasaan ke atas PBYDT adalah sebanyak 652 siasatan. Kawalan ke atas PBYDT dibuat berdasarkan kepada pematuhan kepada pelepasan efluen dan kumbahan, pelepasan bendasing ke udara, pengeluaran buangan terjadual dan lain lain. Status penguatkuasaan oleh JAS ke atas semua punca dan pematuhannya di ringkaskan dalam **Rajah 3.8**.



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Rajah 3.8 : Status Penguatkuasaan Ke Atas PYBDT




KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



INVENTORI BUANGAN TERJADUAL

Pada tahun 2013, sebanyak **31765.953 metrik tan** buangan terjadual telah dihasilkan oleh pengeluar- pengeluar buangan terjadual di Negeri Kedah seperti yang di tunjukkan dalam **Rajah 3.9**. Daripada 1070 premis yang mendaftar secara talian dengan sistem *E-Consignment Note*, premis elektrik dan elektronik mencatat jumlah penghasilan buangan terjadual terbanyak diikuti dengan industri pengilangan logam dan industri berasaskan getah.




Rajah 3.9 : Kuantiti Buangan Terjadual Yang Dihasilkan Berdasarkan Jenis Industri



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Pada tahun 2013, buangan jenis enapcemar logam berat SW204 mencatatkan penghasilan paling tinggi iaitu 7842.4268 metrik tan atau 24.7% dari keseluruhan buangan terjadual yang dihasilkan, diikuti dengan buangan jenis campuran antara buangan terjadual dan buangan tidak terjadual dengan kod SW422 yang menghasilkan sebanyak 5166.7668 metrik tan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.10**.




Rajah 3.10 : Kuantiti Buangan Terjadual Yang Dihasilkan Berdasarkan Jenis Buangan



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Buangan terjadual yang di hasilkan mestilah dilupuskan ke premis yang di lesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Buangan ini perlu diuruskan mengikut kaedah yang terbaik seperti diperoleh kembali, dibakar secara *incinerator*, dilupuskan secara tapak selamat supaya tidak mencemarkan alam sekitar. **Rajah 3.11** menunjukkan kaedah pelupusan dengan kuantiti buangan terjadual yang di hasilkan di Negeri Kedah bagi tahun 2013. Senarai teratas adalah kaedah *Recovery* dengan kuantiti buangan terjadual 21772.26 metrik tan di ikuti dengan kaedah *Incinerator* dengan kuantiti buangan sebanyak 2861.155 metrik tan dan kaedah penstoran dalam tapak serta baki untuk dibawa ke tahun hadapan sebanyak 2647.1675 metrik tan.



Rajah 3.11 : Pengurusan Kuantiti Buangan Terjadual Dengan Recovery, Incinerator Dan Penstoran



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR




SISTEM APLIKASI JABATAN

Sistem E-KAS (Elektronik Kawalan Alam Sekitar)

Sistem E-KAS (Elektronik Kawalan Alam Sekitar) merupakan sistem aplikasi utama Jabatan Alam Sekitar Malaysia. E-KAS iaitu singkatan kepada Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar merupakan sistem aplikasi bersepadu berasaskan web yang menjadi pusat pengumpulan data-data berkaitan alam sekitar termasuk maklumat punca pencemaran, pelesenan, pematuhan dan penguatkuasaan alam sekitar.

Selain itu, sistem E-KAS juga turut menyediakan Modul Sejarah Penguatkuasaan dan Pematuhan Dalam Talian (ECHO) yang membantu pengguna mendapatkan maklumat asas serta sejarah penguatkuasaan dan pematuhan bagi satu-satu premis industri dengan lebih mudah. Terdapat penambahan Modul baharu di dalam E-KAS iaitu Modul EIA yang berfungsi bagi merekodkan segala maklumat pemprosesan laporan EIA, laporan TOR dan PEIA.

Sistem E-Consignment (ECN)



Sistem e-consignment adalah sistem pemberitahuan oleh pihak pengeluar buangan terjadual kepada pihak JAS secara talian mengenai maklumat penghasilan buangan terjadual dengan menggunakan aplikasi web.

Menerusi web ini, pihak pengeluar buangan perlu memaklumkan kepada JAS berkenaan transaksi pelupusan buangan terjadual daripada pengeluar (waste generator) kepada penerima buangan terjadual (Waste Receiver), notifikasi penghasilan buangan terjadual dan juga inventori buangan terjadual.



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Bagi memastikan pemakaian sistem E-CN ini secara 100%, pihak JAS Kedah telah mengambil inisiatif mengadakan beberapa siri latihan (klinik E-Consignment) untuk pihak industri mempelajari tatacara penggunaan sistem ini. Sehingga hujung 2013, terdapat kira-kira 990 daripada 1100 punca pengeluar buangan terjadual telah mendaftar dan menggunakan ke sistem ini.


Sistem Monthly Discharge Monthly Report (MDMR)



Sistem ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan pelaporan kualiti efluen/kumbahan yang dilepaskan oleh pihak industri yang menghasilkan efluen dan kumbahan.

Sehingga 2013, pendaftaran sistem adalah terdiri daripada 166 punca efluen, 36 punca kumbahan (termasuk IWK dan loji persendirian) dan 25 premis yang mempunyai efluen dan kumbahan dan 2 premis yang mempunyai efluen bercampur.

Sistem Penguatkuasaan dan Pemantauan Jarak Jauh Melalui *Continuous Emissions Monitoring System (CEMS)*



Sistem ini adalah sistem yang baru dibangunkan oleh JAS yang mana sistem ini boleh memantau kualiti pelepasan asap yang dikeluarkan oleh kilang secara talian ke JAS Kedah. Di JAS Kedah terdapat 8 buah premis yang melaporkan data pelepasan bahan pencemar udara ke Sistem CEMS.

Melalui CEMS ini, pihak Jabatan Alam Sekitar boleh memperoleh data pelepasan bahan cemar udara secara jarak jauh, mencapai dan memproses data tersebut serta menjana laporan secara online bagi tujuan penguatkuasaan.



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Jadual 3.5 : Senarai premis yang melaporkan kualiti pelepasan gas ke udara melalui CEMS.

Bil	Nama Premis	Daerah	Sektor	Parameter diukur CEMS
1	Taclico Company Sdn. Bhd., Kilang Kelapa Sawit	Kulim	Kilang Kelapa Sawit	Smoke density, Carbon monoksida
2	Sime Darby Plantation Sdn. Bhd., Sungai Dingin Palm Oil Mill	Kulim	Kilang Kelapa Sawit	Smoke density
3	Solid Orient Sdn. Bhd	Baling	Kilang Kelapa Sawit	Smoke density
4	Kulumpang Development Corporation Sdn. Bhd.	Kulim	Kilang Kelapa Sawit	Smoke density
5	Arah Kawasan Sdn. Bhd.	Kulim	Kilang Kelapa Sawit	Smoke density
6	Setiakawan Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd.	Kulim	Kilang Kelapa Sawit	Smoke density
7	Lafarge Cement Sdn. Bhd. (Kilang Simen)	Langkawi	Kilang Simen	NO, PM10,
8	Loji Rawatan Terma Sisa Pepejal Pulau Langkawi	Langkawi	Tapak Pelupusan Sampah	Gas Cl, HCl, CO, SO _x , NO _x

PENGAWALAN PENCEMARAN DARI PUNCA-PUNCA BERGERAK

Punca-punca bergerak terdiri daripada kenderaan bermotor seperti kereta, van, lori, bas, dan motosikal. Peningkatan jumlah kenderaan ini menyebabkan pertambahan pelepasan gas pencemar ke udara serta peningkatan tahap bunyi bising. Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta peraturan-peraturan berkaitan dijalankan berterusan dan aktif bagi mengawal pencemaran udara yang berpunca dari kenderaan bermotor.




KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR




Kawalan Pelepasan Asap Hitam Daripada Kenderaan Diesel

Operasi penguatkuasaan ke atas asap hitam kenderaan bagi pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dilakukan melalui program AWASI (Area Watch and Sanction Inspection), OPS STATIK (termasuk operasi bersama PDRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan), OPS CATAT dan OPS KAMERA VIDEO seperti ditunjukkan di dalam **Rajah 3.12**. Pencapaian keseluruhan operasi yang telah dijalankan bagi kes pelepasan asap hitam adalah seperti di **Rajah 3.13**. Sebanyak 55 kenderaan telah dikenakan tawaran kompaun kerana melepaskan asap hitam melebihi had dibenarkan pada tahun 2013. Sebanyak RM 26,000.00 kutipan bayaran direkodkan bagi kes tawaran kompaun yang dikeluarkan.




Pelepasan Asap Hitam Dari Kenderaan Diesel



Rajah 3.12: Operasi Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Rajah 3.13: Status Pematuhan Kenderaan Diesel Mengikut Jenis Operasi

Kawalan Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Petrol

Sebanyak 14 operasi dijalankan dengan sejumlah 143 kenderaan diuji dan tiada tawaran kompaun dikeluarkan. Pematuhan keseluruhan sebanyak 100 peratus.

Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Daripada Motosikal

Pemeriksaan dijalankan secara berkala terutama di waktu malam dengan kerjasama pihak PDRM Cawangan Trafik dan JPJ untuk mengawal pelepasan bunyi bising berlebihan. Sebanyak 6 operasi yang dijalankan, 61 motosikal telah diuji dan didapati mematuhi had dibenarkan. Pematuhan keseluruhan sebanyak 100 peratus.

Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Kemudahan yang diluluskan merupakan satu kemudahan yang dibenarkan oleh Jabatan untuk menjalankan ujian pelepasan asap hitam kenderaan samada milik perniagaan atau orang awam. Di Kedah terdapat 4 KYDL yang beroperasi iaitu PUSPAKOM di Alor Setar, Sungai Petani dan Langkawi dan 1 bengkel kenderaan di Alor Setar iaitu Lean Soon Mobile Crane & Trading Co.. Pemeriksaan pematuhan ke atas KYDL ini dilakukan sebanyak 10 kali dan mendapati operasi mereka mematuhi syarat-syarat kelulusan yang ditetapkan.



KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Pengendali berkumpulan adalah syarikat kenderaan yang mempunyai kenderaan diesel melebihi 10 buah yang diwajibkan mempunyai alat ujian pelepasan asap hitam sendiri. Pada tahun 2013 terdapat 55 Pengendali Berkumpulan di Kedah dan hanya 18 pemeriksaan telah dijalankan.



Ujian Pelepasan Gas Dari Kenderaan Petrol



Pemeriksaan KYDL



Pemeriksaan Bunyi Bising Motosikal



PERUNDANGAN




PENDAKWAAN

Kertas Siasatan

Pada tahun 2013, kertas siasatan yang di terima berjumlah 24 kes iaitu melibatkan 21 kertas siasatan punca tetap manakala 3 kes punca bergerak. Daripada 24 kertas siasatan tersebut, 18 kes telah di rujuk kepada Timbalan Pendakwaraya Negeri dan juga Penasihat Undang-Undang Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Daripada 18 kertas siasatan yang diterima, sebanyak 2 kes telah di jalankan pendakwaan, manakala 13 kertas siasatan melibatkan punca tetap telah di NFA manakala 9 kertas siasatan masih dalam tindakan pegawai penyiasat dan Pejabat Timbalan Pendakwaraya. **Jadual 4.1** menunjukkan jumlah kertas siasatan yang di terima bagi tahun 2013.

Jadual 4.1: Kertas Siasatan Yang Di Terima Mengikut Punca





PERUNDANGAN



Tindakan Mahkamah

Pendakwaan telah dijalankan ke atas 3 kes melibatkan kesalahan bagi punca tetap sebanyak 2 kes dengan jumlah denda RM 25,000.00 manakala kesalahan bagi punca bergerak sebanyak 1 kes dengan jumlah denda sebanyak RM 2,100.00 menjadikan keseluruhan denda berjumlah RM 27,100.00 (sila rujuk **Jadual 4.2**)

Jadual 4.2: Jumlah Denda Mahkamah




PERUNDANGAN



Tawaran Kompaun

Sebanyak 231 kompaun telah dikeluarkan melibatkan pelbagai kesalahan di bawah AKAS 1974 dengan jumlah kutipan bayaran kompaun sebanyak RM 241,800.00 rujuk **Jadual 4.3**. Tawaran kompaun tersebut melibatkan punca tetap sebanyak RM 215,800.00 manakala tawaran kompaun punca bergerak sebanyak RM 26,000.00.

Jadual 4.3 : Jumlah Bayaran Kompaun Mengikut Jenis Kesalahan



PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM SEKITAR



Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 mula dikuatkuasakan sejak 1 April 1988. Ia bertujuan untuk memastikan kepesatan pembangunan negara dapat di seimbangkan dengan usaha pemuliharaan alam sekitar sesuai dengan konsep pembangunan lestari.

Laporan Kajian Impak Alam Sekeliling (EIA) bertujuan meramal, mengenalpasti, member maklumat berkenaan kesan-kesan aktiviti pembangunan terhadap alam sekeliling. Laporan ini juga mengemukakan langkah-langkah kawalan pencemaran dalam setiap fasa projek yang dijalankan.

Terdapat dua jenis laporan EIA iaitu Laporan EIA Awal (*Preliminary Environmental Impact Assessment*) (EIA) dan Laporan EIA Terperinci (*Detailed Environmental Impact Assessment*)(DEIA). Laporan EIA diproses di peringkat Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah manakala bagi laporan DEIA diproses di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Putrajaya.

Jumlah Laporan EIA Yang Diproses

Laporan PEIA yang diterima tahun 2013 adalah dua belas (12). Daripada jumlah tersebut sebanyak tujuh (7) laporan EIA diluluskan, manakala tiga (3) laporan EIA tidak diluluskan manakala dua (2) dibawa ke tahun 2014.

Jadual 5.1: Projek Yang Telah Diluluskan Laporan EIA

Jenis Projek	Bilangan
Aktiviti 17(a) : Pembinaan Resort dan Hotel dikawasan pantai mempunyai 80 bilik dan lebih	5
Aktiviti 14 : Kuari	1
Aktiviti 18 (b) (ii) :Pembinaan loji pulihguna buangan terjadual	1

Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP)

Sebanyak 10 laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Kedah pada tahun 2013. Pelan ini adalah suatu dokumen yang disediakan oleh pemaju untuk mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA yang telah diberikan. Ia mengandungi perkara-perkara penting yang menjadi rujukan kepada pemaju/ penggerak projek yang meliputi pengawasan alam sekitar, pelan kecemasan, pelan ESCP dan langkah-langkah pematuhan yang akan dilaksanakan setiap masa di tapak projek.



PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM SEKITAR



Penguatkuasaan Syarat-Syarat Kelulusan EIA

Pada tahun 2013, sebanyak 100 lawatan penguatkuasaan keatas projek EIA telah dijalankan. Tujuan penguatkuasaan dijalankan adalah untuk memastikan syarat-syarat kelulusan EIA yang diberikan dipatuhi oleh pemaju projek. Pada tahun 2013, Jabatan telah mengambil tindakan keatas penggerak projek kerana tidak mematuhi syarat – syarat EIA. Antara tindakan yang diambil ialah seperti surat arahan, notis arahan, kompaun dan tindakan mahkamah.



Aktiviti Kerja Tanah Di Projek EIA

Jadual 5.2 : Tindakan Penguatkuasaan Syarat – Syarat Kelulusan Laporan EIA

Tindakan	Jumlah
Notis Arahan	115
Kompaun	10
Penyediaan Kertas Siasatan untuk Tindakan Mahkamah	7



PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM SEKITAR




Kebenaran Bertulis dan Kelulusan Bertulis (KB)

Pada tahun 2013, sebanyak 153 permohonan Kelulusan Bertulis (KB) bagi Alat Pembakaran Bahanapi (APB) dan 196 permohonan Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKPU) telah di proses rujuk (**Jadual 5.3**). **Rajah 5.1 & 5.2** masing-masing menunjukkan bilangan jenis permohonan KB yang diterima mengikut jenis APB dan AKPU di bawah Peraturan 36 & 38 (Udara Bersih) 1978, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 sepanjang tahun 2013.

Selain daripada itu, JAS Negeri Kedah juga telah memproses sebanyak 15 permohonan Kebenaran Bertulis (KB) bagi Premis Yang Ditetapkan (PYDT) di bawah Seksyen 19 (AKAS) 1974 dan Kelulusan Bertulis dibawah Peraturan 6, Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Getah Asli Mentah) 1978 dan (Kelapa Sawit) 1977 sepanjang tahun 2013. Rajah 5.3 menunjukkan bilangan permohonan KB mengikut jenis PYDT.

Jadual 5.3 : Bilangan permohonan Kelulusan Bertulis Mengikut Jenis Permohonan


Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan	Lulus	Tolak
APB	153	55	98
AKPU	196	165	31
Seksyen 19	15	7	8




Rajah 5.1 : Permohonan Kelulusan Bertulis Yang Diterima Mengikut Jenis APB



PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM SEKITAR



Rajah 5.2 : Permohonan Kelulusan Bertulis Yang Diterima Mengikut Jenis AKPU



Rajah 5.3 : Permohonan Kebenaran Bertulis Seksyen 19 Mengikut Jenis PYDT



PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM SEKITAR




Notifikasi (Pemberitahuan Bertulis)

Mulai Disember 2009, di bawah Per. 4 & 5, Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Per. 4, Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Per. 4, Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009 mengkehendaki supaya Pemberitahuan Bertulis (**Notifikasi**) diperoleh terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling (KPAS) sebelum apa – apa kerja, pembinaan atau peningkatan, atau perubahan atas sistem bagi mana-mana premis yang membuang dan melepaskan efluen perindustrian atau efluen bercampur, kumbahan mahupun larut resapan (leachate) ke atas tanah atau perairan Malaysia.

Sebanyak 49 Notifikasi di terima dari premis di seluruh negeri Kedah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 5.4** dan **Rajah 5.4**.

Jadual 5.4 : Jenis Notifikasi Sistem Pengolahan Efluen Yang Diterima

Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan
Jadual ke 2 (Per. 4 PPKAS (EP) 2009)	7
Jadual ke 3 (Per. 5 PPKAS (EP) 2009)	8
Jadual Pertama (Per. 1 PPKAS (Kumbahan) 2009)	33
Jadual Pertama (Per. 4 PPKAS (Leachate))	1



Rajah 5.4 : Notifikasi Yang Diterima Mengikut Peraturan Yang Berkaitan




PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM SEKITAR



Penilaian Awal Tapak (PAT)

Sejumlah 885 permohonan PAT diterima sepanjang tahun 2013 bagi seluruh Negeri Kedah. **Rajah 5.5** menunjukkan permohonan yang di terima mengikut daerah melalui pelbagai agensi termasuk agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan mahupun individu perseorangan. Perkara berikut diambilkira dalam mempertimbangkan kesesuaian projek terhadap keadaan alam sekitar dan guna tanah sekelilingnya iaitu :-

- Jarak Zon Penampakan (Buffer Zone)
- Punca - punca pencemaran yang akan terhasil dari aktiviti kilang sama ada dari segi udara, air, sisa toksid dan bahan berbahaya.
- Kedudukan tapak terletak dalam kawasan persekitaran sama ada kawasan sensitif alam sekitar atau tidak.
- Kedudukan tapak yang selaras dengan Rancangan Tempatan Daerah.




Rajah 5.5 : Permohonan Penilaian Awal Tapak Mengikut Daerah



PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM SEKITAR



Rajah 5.6 pula menunjukkan taburan permohonan PAT mengikut jenis aktiviti antaranya ialah pembinaan perumahan, gudang, hotel, pembinaan bangunan untuk perniagaan burung walit, permohonan kuari dan sebagainya.



Rajah 5.6 : Permohonan Penilaian Awal Tapak Mengikut Jenis Aktiviti



Penilaian Awal Tapak Bersama Agensi Teknikal



PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR




Program Kesedaran Dan Pendidikan Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan program-program kesedaran kepada kumpulan sasaran yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Program ini di jayakan bertujuan untuk mencapai objektif bagi mewujudkan dan melahirkan kesedaran dan keperihatinan terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar serta menyemai rasa tanggungjawab menjaga dan memulihara alam sekitar di kalangan masyarakat.

Ceramah

Ceramah adalah salah satu kaedah yang mudah dan cepat untuk memberikan maklumat kumpulan sasaran.




Ceramah yang di jalankan merangkumi banyak tajuk seperti ceramah umum berkaitan alam sekitar, bidang tugas Jabatan, Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar. Sebanyak **43** ceramah telah disampaikan kepada pelajar-pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, jabatan kerajaan, pihak swasta dan orang awam sepanjang tahun 2013. **(Rajah 6.1).**

Rajah 6.1: Bilangan Ceramah Mengikut Kumpulan Sasaran

Pameran

Aktiviti pameran adalah sebahagian daripada program kesedaran alam sekitar. Bahan-bahan penerbitan seperti brosur, majalah dan cenderahati diedarkan kepada pelawat-pelawat yang mengunjungi gerai pameran. Sebanyak **32** pameran telah dilaksanakan di pelbagai organisasi seperti Institusi Pengajian Tinggi, Sekolah, Jabatan Kerajaan,



Industri dan lain-lain. **(Rajah 6.2).**

Rajah 6.2: Bilangan Pameran Mengikut Kumpulan Sasaran



PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)

Sebanyak 9 program KeKAS telah dilaksanakan dan melibatkan peserta di kalangan komuniti taman perumahan, guru-guru, pelajar pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pelajar institusi pengajian tinggi.



Aktiviti Dalam Kem Kesedaran Alam Sekitar

Seminar Dan Taklimat

Sebanyak 9 program seminar dan taklimat kepada pihak luar telah dilaksanakan yang merangkumi pendedahan kepada peraturan-peraturan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta pengurusan alam sekitar dalam perspektif Jabatan Alam Sekitar. Program ini melibatkan ahli rakan alam sekitar, pihak industri dan juga orang awam.



Seminar Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974



PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



Pra Sekolah Lestari

Program pra sekolah lestari adalah satu program membudayakan pendidikan alam sekitar dengan menerapkan nilai murni alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum dan ko-kurikulum dan penghijauan secara berterusan bagi



Kem Pra Sekolah Lestari

mewujudkan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari. Penglibatan kanak-kanak di terapkan seawal usia 4 tahun bagi menerapkan nilai-nilai murni supaya lebih mudah di fahami dan di amalkan. Sebanyak 2 program di jalankan di kawasan Parlimen Pendang dan Parlimen Langkawi dengan usahasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sepanjang tahun 2013.



Rakan Alam Sekitar (RAS)

Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan dua sub-program di bawah Rakan Alam Sekitar iaitu Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) Dan Mesra Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Majlis Menandatangani Perjanjian (MOU). Program 3P dan Mesra RAS diadakan pada 31 Oktober 2013 bertujuan untuk menarik minat orang ramai terutamanya ahli RAS menjadi pemantau dan pemberi maklumat bagi masalah pencemaran yang di alami. Manakala



Majlis Menandatangani Perjanjian (MOU)

Majlis Menandatangani Perjanjian (MOU) diadakan pada 10 Oktober 2013 bertujuan untuk mendapatkan kerjasama daripada organisasi supaya program pendidikan dan kesedaran alam sekitar dapat di jalankan. Organisasi yang terlibat dalam MOU tersebut adalah Lembaga Sumber Air Kedah, Asian Institute Of Medical Science And Technology (AIMST), Kedah Industrial Skills And Management Centre (KISMEC) dan Naza Automotive Manufacturing Sdn. Bhd.



PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) Dan Mesra Rakan Alam Sekitar (RAS)

Projek Wira Alam

Projek Wira Alam adalah satu projek anjuran Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Projek ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran alam sekitar di peringkat awal serta meningkatkan pendidikan alam sekitar di sekitar. Sebanyak 2 program di jalankan kepada guru-guru dari Daerah Pendang dan Langkawi.



PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM)

MASM adalah merupakan program tahunan Jabatan Alam Sekitar yang di sambut selama seminggu mulai 21 - 27 Oktober. Tema sambutan bagi tahun 2013 ialah **Perkongsian Pintar Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar**. Di peringkat Negeri Kedah pelancaran sambutan MASM telah disempurnakan pada 26 Oktober 2013. Pelbagai aktiviti

dijalankan yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat.



Aktiviti Sambutan Minggu Alam Sekitar Negeri Kedah



PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



Gotong-Royong

Gotong-royong adalah satu tradisi zaman dahulu yang wajar di pupuk semula di kalangan ahli masyarakat. Aktiviti ini dapat memupuk nilai-nilai murni dan perpaduan di kalangan ahli masyarakat yang terlibat. Sebanyak 6 program gotong-royong telah dijalankan bersama-sama pihak komuniti, pelajar sekolah, jabatan kerajaan dan pihak



Gotong Royong Bersama Komuniti dan Pelajar

Keringat Bakti

Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan pihak Radio Televisyen Malaysia telah menjayakan program keringat bakti. Sebanyak 2 slot program keringat bakti telah diberikan kepada pihak Jabatan dan wakil Jabatan telah membuat hebahan berkaitan Hari Alam Sekitar Dunia dan Program Minggu Alam Sekitar Malaysia Peringkat Negeri Kedah.



Program Keringat Bakti



PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



Kolokium

Sebanyak **20** program kolokium telah diadakan sepanjang tahun 2013 bagi menambahkan pengetahuan dari segi teknikal dan pengurusan di kalangan kakitangan Jabatan ini. Penceramah adalah terdiri dari kalangan kakitangan , agensi kerajaan dan pihak swasta.

Latihan Industri

Program latihan industri adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar untuk pembelajaran secara praktikal dan mengetahui lebih lanjut bidang tugas Jabatan Alam Sekitar. Pada tahun 2013, seramai **21** orang pelajar institusi pengajian tinggi telah menjalani latihan di Jabatan ini.



PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001 : 2008



LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Pada tahun 2013 Jabatan Alam Sekitar Kedah telah melaksanakan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001 : 2008 yang memberikan fokus terhadap Pemprosesan Laporan EIA, Penguatkuasaan Syarat – Syarat Kelulusan EIA. Ob-

1. Memproses Laporan EIA dalam tempoh 5 minggu.
2. Memproses Laporan EIA Terperinci (DEIA) dalam tempoh 12 minggu
3. Memproses tuntutan dalam tempoh 14 hari.
4. Menjalankan penguatkuasaan mengikut jadual
5. Mengemukakan maklumat perjawatan setiap bulan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
6. Maklumbalas bagi penyelenggaraan komputer dalam tempoh 8 jam
7. Setiap pegawai hendaklah mengikuti tempoh 7 hari berkursus

Pada tahun 2013 juga terdapat tiga (3) prosedur kualiti terbaharu yang telah mula dilaksanakan iaitu Pemprosesan Kebenaran Bertulis Seksyen 19, Pemprosesan Lesen Bagi Premis Yang Ditetapkan (PYDT) dan Penguatkuasaan Terhadap Premis Yang Ditetapkan (PYDT). Sebanyak dua aktiviti audit kualiti dalaman (AKD) telah dijalankan pada 2013. Pencapaian JAS Kedah bagi pelaksanaan sistem pengurusan kualiti pada tahun 2013 adalah seperti berikut.

Jadual 7.1 : Pencapaian Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti

Aktiviti	Pencapaian
Pemprosesan Laporan EIA	100 % mengikut piagam
Aktiviti Penguatkuasaan Syarat – Syarat Kelulusan EIA	100 % mengikut jadual yang telah dirancang
Penyelenggaraan komputer dalam tempoh 24 jam	100 % mengikut piagam
Pemprosesan tuntutan dalam tempoh 14 hari	100 % mengikut piagam
Mengikuti kursus sebanyak 7 hari dalam setahun	100 % pematuhan



KELAB ALAM SEKITAR KEDAH



Kelab Alam Sekitar Kedah (KASKED)

Kelab Alam Sekitar Kedah (KASKED) adalah sebuah kelab kebajikan JAS Negeri Kedah yang telah ditubuhkan pada 13 April 2009 di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Kedah bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim di antara ahli-ahli keluarga kakitangan JAS Kedah melalui aktiviti yang dirancang di samping menjaga kebajikan ahli kelab. Sehingga Disember 2013, seramai 82 orang ahli KASKED yang berdaftar telah banyak menikmati faedah daripada aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kelab.

Hasil daripada aktiviti yang telah dijalankan, secara tidak langsung dapat meningkatkan hubungan yang baik di antara semua kakitangan JAS tanpa mengira kedudukan, pangkat dan sebagainya. Aktiviti kelab juga turut membabitkan penglibatan daripada pihak industri terutama seminar-seminar yang berkaitan dengan informasi terkini pengurusan dan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pada tahun 2013, pelbagai aktiviti telah berjaya dijalankan oleh KASKED sepertimana yang dirancang. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Kelab juga tidak mengabaikan kebajikan ahli seperti pemberian sumbangan cenderamata dan ihsan kepada kakitangan yang melangsungkan perkahwinan, mendapat cahaya maya, kematian ahli keluarga terdekat, sumbangan perubatan, sumbangan bencana alam, jamuan perpisahan kepada ahli yang akan menamatkan perkhidmatan atau bertukar perkhidmatan.

Bil.	Program	Tarikh
1.	Jamuan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2013	22 Ogos 2013
2.	Sambutan Hari Keluarga KASKED di Bukit Gambang Resort City	23 - 26 Mei 2013
3.	Kejohanan Bowling Jemputan di Ampang Super Bowl, Sungai Petani	21 September 2013
4.	Seminar Pengurusan Buangan Terjadual di Hotel Park Avenue	25 April 2013
5.	Seminar Pindaan AKAS di Kulim Golf Resort	10 Oktober 2013
6.	Majlis Qurban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha di Hutan Kampung	17 Oktober 2013
7.	Program Memancing Anjuran KASKED semasa Majlis MASM 2013 di Tasik Darulaman, Jitra Kedah	26 Oktober 2013

Program Yang Diadakan Oleh KASKED



KELAB ALAM SEKITAR KEDAH



Majlis Sambutan Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2013 Ahli KASKED Pada 22 Ogos 2013 bersamaan 15 Syawal 1434



Sambutan Hari Keluarga KASKED pada 23 - 26 Mei 2013 di Bukit Gambang Resort City



Program Memancing anjuran KASKED semasa Majlis Sambutan MASM 2013 pada 26 Oktober 2013

